

50 hingga 75 peratus pelajar UKM bakal balik ke kampus

Oleh [Mohd Nasaruddin Parzi](#) - September 7, 2021 @ 2:59pm

bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjangkakan 50 peratus hingga 75 peratus pelajarnya akan kembali ke kampus sebaik ia dibuka bermula bulan depan.

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Ts Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata biarpun kebenaran kembali ke kampus diberikan, bagi pelajar yang masih boleh meneruskan sesi kuliah secara dalam talian, boleh kekal meneruskan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkenaan.

"Sekiranya ia dilakukan secara dalam talian, pelajar tidak perlu kembali ke kampus melainkan terdapat keperluan seperti talian internet dan ruang pembelajaran tidak kondusif di rumah.

"Bagi pelajar memerlukan proses PdP secara bersemuka, mereka boleh kembali secara fizikal ke kampus.

"Pada peringkat pertama, dijangkakan 50 hingga 75 peratus pelajar akan kembali ke kampus," katanya mengulas keputusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merancang membuka semula IPT untuk kemasukan pelajar secara fizikal bagi Sesi Akademik 2021/2022 dalam semua fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula Oktober depan.

Mengulas lanjut, Mohd Ekhwan berkata, jumlah kemasukan ini penting sebagai persediaan kepada kampus menyediakan ruang secukupnya di setiap kolej sekiranya perlu dilakukan kuarantin serta penjarakan fizikal.

"Biarpun pelajar boleh dibenarkan kembali ke kampus selepas mendapat dua dos vaksin, kapasiti pelajar di kampus akan berada dalam lingkungan 50 peratus hingga 75 peratus dari keseluruhan pelajar pada peringkat awal berdasarkan kepada situasi, sebelum ditambah jumlahnya.

"Bagi kemudahan bilik kuliah dan makmal, ia adalah tertakluk kepada pengumuman semasa Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KPT. Pelajar juga perlu merekodkan kehadiran mereka di lokasi atau premis sekitar kampus di dalam MySejahtera serta memeriksa suhu badan, sementara pelajar bergejala perlu memaklumkan kepada Pusat Kesihatan Universiti," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan data pelajar sedia ada, sejumlah hampir 95 pelajar UKM sudah mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin, dengan pengurusan vaksin pelajar ini bergantung kepada lokaliti di mana pelajar menerimanya.

"Jika pelajar menerima vaksin di kawasan berdekatan dengan kampus dan mereka berada di kampus, UKM akan uruskan dari segi penghantaran mereka ke PPV berdekatan kampus. Jika lokaliti pelajar terima vaksin di PPV berdekatan kampung masing-masing, UKM akan meminta mereka melengkapkan vaksin sebelum kembali ke kampus," katanya.

Sementara itu, Gerakan Mahasiswa Demokratik (GMD) dalam kenyataan meminta KPT menyediakan garis panduan dan perancangan lengkap, jelas dan teratur untuk tindakan IPT bagi memastikan sesi pembelajaran, kuarantin dan kehidupan sehari-hari mahasiswa di kampus berjalan lancar.

Katanya, KPT juga perlu mempercepatkan program vaksinasi mahasiswa supaya imuniti kelompok dapat dicapai di semua kampus IPT, dengan cadangan pembukaan semula IPT hanya boleh dilaksana sebaik imuniti kelompok dicapai.

"Pemberian kit ujian kendiri COVID-19 secara percuma atau bersubsidi kepada semua mahasiswa yang akan pulang ke kampus boleh membantu mahasiswa dari segi kewangan dalam masa yang sama memastikan mereka yang bakal pulang ke kampus bebas COVID-19 sebelum melakukan perjalanan," katanya

KPT juga katanya perlu mengurangkan yuran yang signifikan, munasabah dan adil kerana kemudahan di kampus tidak digunakan sepenuhnya.

"Kami menuntut ketelusan dalam pengurusan yuran di semua IPT. Kelas secara dalam talian menyebabkan mahasiswa perlu menggunakan wang lebih untuk gajet dan pelan internet. Justeru, KPT perlu membantu mahasiswa secara lebih holistik," katanya yang turut meminta penstrukturran semula silibus di semua IPT supaya lebih relevan dengan pandemik COVID-19.